

**COMPATIBILITY AND ITS ROLE IN BUILDING UNDERSTANDING
BETWEEN HUSBAND AND WIFE**

**SEKUFU DAN HUBUNGANNYA DALAM MEMBINA PERSEFAHAMAN
ANTARA SUAMI ISTERI**

Nurhanisah Hadigunawanⁱ, Rafeah Saidonⁱⁱ, Shadli Sabarudinⁱⁱⁱ, Fatin Nabilah Abdul Wahid^{iv}

- ⁱ Pelajar Sarjana Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. hanisahgunawan@gmail.com
ⁱⁱ (*Corresponding author*). Professor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. rafeahs@uitm.edu.my
ⁱⁱⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. shadli@uitm.edu.my
^{iv} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. afatinna@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>Understanding is one of the crucial aspects of a household. The failure of married couples to establish understanding can lead to continuous conflicts within the family. This is supported by statistics from the National Population and Family Development Board (LPPKN) through the Fifth Malaysian Population and Family Study (KPKM-5), which found that one of the main factors contributing to divorces is the lack of understanding between spouses. There are numerous factors that contribute to the misunderstandings between husband and wife, and one of them is the selection of incompatible partners, characterised by significant differences between the two individuals. Therefore, this study aims to examine the role of compatibility (in terms of religion and occupation) in shaping the understanding between married couples. This qualitative study utilises interview methods with five experts, including Shariah officers, Islamic Affairs officers, and family counselors. The data obtained is analysed using content analysis methods. The study results indicate a high correlation between understanding among couples and compatibility.</i></p> <p><i>Keywords: Religion, Occupation, Understanding, Household, Compatibility.</i></p>
Abstrak	<p><i>Persefahaman merupakan antara perkara penting dalam rumah tangga. Kegagalan pasangan suami isteri mewujudkan persefahaman akan menyebabkan berlakunya konflik rumah tangga secara berterusan. Ini dibuktikan dengan statistik dari Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menerusi Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) mendapati antara faktor utama berlakunya perceraian adalah kerana tidak wujud persefahaman antara suami isteri. Terdapat banyak faktor yang mendorong terjadi ketidakfahaman antara suami isteri dan salah satunya adalah disebabkan pemilihan pasangan yang tidak sekufu iaitu mempunyai jurang perbezaan yang sangat ketara antara kedua-dua pasangan. Justeru kajian ini bertujuan untuk melihat peranan sekufu (aspek agama dan pekerjaan) dalam membentuk persefahaman antara pasangan suami isteri. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual kepada lima orang pakar yang terdiri daripada Pegawai Syariah, Pegawai Hal Ehwal Islam dan kaunselor rumah tangga. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian</i></p>

	<p>mendapati persefahaman antara pasangan mempunyai korelasi yang tinggi dengan sekufu.</p> <p>Kata kunci: Agama, Pekerjaan, Persefahaman, Rumah tangga, Sekufu.</p>
--	--

PENDAHULUAN

Penyatuan hubungan antara suami dan isteri dalam sebuah perkahwinan sangat memerlukan pada elemen persefahaman. Ini kerana lelaki dan perempuan adalah dua makhluk Allah yang mempunyai banyak perbezaan seperti psikologi, cara pemikiran dan bentuk fizikal. Kegagalan pasangan untuk menerapkan elemen tiada persefahaman boleh menjadi punca sering terjadi pergaduhan, perselisihan dan pertengkaran antara pasangan suami dan isteri yang akhirnya mendorong pada perceraian.

Ini dibuktikan dengan banyak kajian-kajian lepas yang mengkaji punca perceraian di beberapa negeri di Malaysia yang menunjukkan tiada persefahaman menjadi faktor utama berlakunya perceraian. Antaranya kajian Kamalia (2019) yang mengkaji faktor perceraian *Fast Track* di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor antara tahun 2016-2019 adalah disebabkan tiada persefahaman. Begitu juga di Kelantan pada tahun 2010-2014, sebanyak 37 kes daripada 45 kes perceraian didapati alasan tiada persefahaman menjadi punca mereka bercerai (Wan Murni & Anwar Fakhri, 2018). Terdapat juga kajian lain yang menunjukkan dapatan yang sama iaitu kajian Safura dan Jamayah (2022) mendapati tiada persefahaman menjadi faktor yang mencatatkan peratusan paling tinggi sepanjang tahun 2018-2020 di Kuching, Serawak. Ini jelas menunjukkan pada umumnya faktor berlakunya perceraian adalah disebabkan tiada persefahaman hampir sama dengan negeri-negeri lain dan menjadi faktor utama sejak dari dahulu lagi.

Dapatan ini diperkukuhkan lagi dengan hasil kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menerusi Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) yang dijalankan setiap sepuluh tahun (2014-2024) mendapati antara faktor utama berlakunya perceraian adalah kerana tidak wujud persefahaman antara suami isteri. Peratusan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1:

Jadual 1: Statistik faktor perceraian

Statistik Punca Perceraian			
Lelaki		Wanita	
Faktor	Jumlah	Faktor	Jumlah
Tiada Persefahaman	56.2%	Tiada Persefahaman	38.0%
Pasangan curang	11.8%	Pasangan curang	20.5%
Campur tangan mertua/ipar duai	10.0%	Pasangan tidak bertanggungjawab	15.2%
Lain-lain	22.0%	Campur tangan mertua/ipar duai	6.0%

Sumber: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

Pasangan yang bercerai disebabkan tiada persefahaman mempunyai sebab pelbagai yang mendorong mereka untuk bercerai. Antara faktornya disebabkan tidak wujud keserasian antara pasangan. Keserasian penting dalam memastikan pembinaan institusi keluarga yang stabil dan harmoni. Elemen keserasian membantu pasangan dalam memahami kehendak dan cara pemikiran antara suami isteri (Efendy, 2022). Oleh sebab itu, Islam telah menyarankan antara kriteria yang perlu dititik beratkan dalam pemilihan pasangan adalah kafaah atau sekufu. Pasangan yang sekufu atau serasi mampu untuk mengurangkan jurang perbezaan yang ketara yang boleh membawa kepada kepincangan rumah tangga yang serius.

Konsep Sekufu

Sekufu dianggap sebagai satu ciri yang disarankan Islam untuk memilih pasangan hidup yang berkualiti dan serasi dari aspek jasmani, rohani dan material (Zahrotun & Uswatun,

2018). Ini selari dengan takrifan umum sekufu yang bermaksud kesepadanan atau keseimbangan antara calon suami dan isteri sehinggakan kedua-dua pihak merasa selesa dan tenang untuk melangsungkan pernikahan (Hidayatulloh, 2017; Kosim, 2019). Jika diselusuri realiti kehidupan masyarakat masa kini yang dilihat lebih cenderung membuat penilaian berdasarkan keadaan material kehidupan seseorang seperti dalam aspek pekerjaan, kestabilan ekonomi dan sebagainya (Iffatin, 2012), maka pengamalan sekufu menjadi sebagai satu langkah awal untuk menghindari timbulnya isu tersalah dalam membuat pemilihan pasangan.

Oleh kerana itu, konsep sekufu dalam Islam hanya akan dipertimbangkan pada peringkat sebelum perkahwinan iaitu semasa proses pemilihan pasangan atau sebelum berlangsungnya akad nikah. Jika selepas berlakunya akad, ciri-ciri sekufu hilang pada pasangan, seperti pasangan jatuh miskin atau mengalami kecacatan fizikal, maka pada ketika itu, isu tiada sekufu tidak boleh dijadikan sebagai alasan untuk menuntut perceraian (Kaha, 2020). Begitu juga pada keadaan, jika pasangan suami dan isteri menyedari hakikat mereka tidak sekufu namun boleh menerima keadaan pasangan dan mempunyai tahap toleransi dan saling memahami yang tinggi, maka isu sekufu tidak akan timbul.

Secara asasnya, pensyaratan sekufu tidaklah menjadi suatu kewajipan untuk merealisasikan sesebuah perkahwinan, namun realitinya sekufu dalam pemilihan pasangan sangat penting kerana mampu memberikan impak kepada sesebuah perkahwinan. Sekufu berperanan sebagai asas dalam membina keserasian dan persefahaman antara pasangan (Anwar et al., 2020). Keserasian ini penting agar dapat meminimumkan perbezaan dan mencapai kata sepakat yang tinggi antara pasangan suami isteri. Terdapat banyak kajian yang membuktikan sekufu mempunyai perkaitan dalam membentuk keluarga sejahtera. Kajian Norlia (2004) menjelaskan sekufu amat relavan untuk diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat masa kini yang amat mencabar dan sangat perlu pada persefahaman dalam hidup berumah tangga. Kajian Abdurraghiem (1997) juga menjelaskan keseimbangan di antara suami dan isteri adalah salah satu cara yang efektif untuk merealisasikan matlamat sesebuah perkahwinan iaitu untuk memperolehi ketenangan dan kebahagiaan.

Begitu juga kajian menunjukkan keserasian atau sekufu berperanan sebagai perisai untuk melindungi dari berlakunya perkara-perkara yang mampu mewujudkan perasaan aib atau malu dalam diri sendiri terhadap pasangan (Fatimah, 2016). Sebagai contoh jika seorang wanita mengahwini lelaki yang berstatus rendah darinya maka ianya menjadi isu dalam penilaian masyarakat dan akan menimbulkan perasaan malu dalam diri wanita atau keluarganya (Sarifudin, 2018). Sama keadaan bilamana keperluan isteri yang tidak dapat dipenuhi oleh suami ditambah pula sikap isteri yang suka membandingkan suaminya dalam pelbagai aspek membawa pada pertikaian yang boleh mengakibatkan perceraian (Arafat, 2019). Oleh itu, pemilihan pasangan amat penting sebelum melangsungkan perkahwinan supaya tiada ruang untuk saling menghina status sosial antara pasangan.

Konsep Persefahaman

Persefahaman mempunyai maksud yang seerti dengan keserasian, persetujuan, berkongsi maksud yang sama dan kesedaran terhadap perbezaan (Sillars & McLaren 2015). Kajian Heller dan Wood (1998) dan Kamali et al., (2020) menunjukkan persefahaman mempunyai korelasi yang tinggi dalam membentuk hubungan yang intim atau erat antara suami isteri. Ini kerana persefahaman dilihat penting dalam membina kepercayaan antara satu sama lain. Pasangan suami isteri yang mempunyai kepercayaan yang tinggi antara satu sama lain mampu mendorong pada penerimaan kelemahan dan penonjolan sikap yang sebenar terhadap pasangan (Shirdel et al., 2018). Sikap saling memahami dan difahami pada kelebihan dan kelemahan inilah yang merupakan timbal balik kepada suasana yang aman dan harmoni dalam rumah tangga (Allen & Thompson, 2016).

Selain itu juga, menurut Iafate et al. (2012) dan Rentsch et al. (2022) persefahaman boleh dibentuk dengan langkah yang pertama iaitu mengenali pasangan secara realiti. Pengetahuan tentang pasangan membolehkan kita untuk memahami

keinginan, cara berfikir dan sikap masing-masing (Brandstatter et al., 2018; Decuyper et al., 2012). Brauer et al. (2022) menambah, persefahaman boleh terbentuk melalui keupayaan pasangan untuk berinteraksi secara emosi, kognitif, fizikal dan cara penerimaan. Secara tidak langsung menunjukkan semakin mendalam pengetahuan tentang pasangan maka semakin mudah untuk memahaminya.

Terdapat pelbagai cara atau kaedah dalam membina persefahaman antara pasangan suami isteri. Antaranya ialah memilih pasangan yang serasi dan bersesuaian (Mahmud, 1999). Ini kerana menurut Nurhafizah et al. (2018), semakin banyak persamaan antara pasangan itu, semakin tinggi tahap keserasian atau persefahaman yang boleh dicapai antara lelaki dengan wanita dalam memastikan keharmonian rumah tangga. Perbezaan yang agak ketara dari pelbagai sudut seperti agama, sosial, usia dan sebagainya, boleh menyebabkan berlakunya perselisihan dalam aspek kecenderungan, keinginan dan pemikiran (Abd. Jalil, 1993). Secara tidak langsung ianya menjadi pencetus kepada timbulnya kesukaran dan kemudaratan dalam memahami antara satu sama lain (Mohd, Saleh 2012).

Selain itu juga, pemilihan pasangan berasaskan pada faktor keagamaan juga penting dalam membentuk persefahaman. Ini kerana untuk mencapai kebahagiaan rumah tangga memerlukan tiga unsur penting iaitu ketenangan jiwa (*sakinah*), cinta mencintai (*mawaddah*) dan kasih sayang (*rahmah*). Ketiga-tiga unsur ini hanya dapat dirasai melalui iman yang jitu dan amalan yang soleh (Nur Zahidah & Raihanah 2013). Oleh kerana itu, pemilihan pasangan yang mempunyai akhlak yang tidak baik seperti panas baran, keras kepala, sukar dibawa berbincang dan seumpamanya boleh membawa kesukaran dalam mencari titik persefahaman dan mendatangkan masalah dalam hubungan suami isteri (Faedah et al., 2020; Shafiyah Iqlima, 2020). Ketiadaan ketenangan dan kedamaian dalam jiwa menyebabkan kesukaran untuk mengadakan perbincangan bagi mencari jalan penyelesaian masalah yang timbul.

Selain itu juga, persefahaman boleh dibentuk melalui menghormati hak dan tanggungjawab terutamanya masalah nafkah (Ilhamie, 2022). Dalam sebuah perkahwinan, setiap pihak sama ada suami atau isteri memperoleh hak dan tanggungjawab masing-masing. Hak tersebut adalah amanah yang perlu disempurnakan dan mesti diserahkan kepada yang berhak (Md. Zawawi & Wan Ab. Rahman, 2008). Pengabaian tanggungjawab di pihak suami boleh menjadikan isteri lebih beremosi negatif dalam berinteraksi dengan suami dan anak-anak (Testa & Leonard, 2001). Hal ini berlaku disebabkan rasa tekanan yang tinggi dan kurang bahagia yang dirasai oleh seorang isteri. Ini secara tidak langsung boleh menyebabkan perhubungan menjadi hambar dan akhirnya membawa kepada kehancuran rumah tangga.

Jelas disini menunjukkan, ketiadaan persefahaman dalam hubungan suami isteri memberi kesan yang buruk dan boleh berakhir dengan perceraian. Berdasarkan kajian lepas yang telah diperolehi memperlihatkan kepentingan pemilihan pasangan yang sekufu atau serasi dalam membentuk persefahaman, maka kajian ini akan mengkaji peranan sekufu dalam membina persefahaman antara pasangan.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual yang telah dilakukan terhadap lima orang pakar yang terdiri dari Pegawai Syariah, Pegawai Hal Ehwal Islam dan kaunselor untuk mendapatkan keselarasan jawapan yang sama atau hampir sama antara pakar. Menurut Dworkin (2012) kebanyakan pakar berpendapat konsep temu bual adalah faktor yang paling penting untuk diambil kira dalam penentuan saiz sampel untuk kajian kualitatif. Apabila berlakunya pertindanan maklumat iaitu pengkaji mula mendengar pandangan dan respon yang sama daripada kebanyakan informan, maka pada tahap ini penambahan informan kajian tidak diperlukan lagi melainkan untuk isu-isu tertentu (Gay et al., 2012). Dalam kajian ini, temu bual secara tidak berstruktur iaitu soalan secara terbuka dan tertutup (*open-ended*) dijalankan untuk mengumpul maklumat dari informan. Penggunaan soalan berbentuk ini memberi peluang kepada pengkaji untuk mencungkil maklumat dengan lebih mendalam dan memberi peluang kepada informan

untuk membuat interpretasi dalam mengemukakan idea dan perasaan mereka. Selain itu, soalan *open-ended* ini juga dapat mendorong informan untuk berkongsi maklumat berdasarkan pengalaman mereka sendiri tentang sesuatu isu (Duffy et al., 2004).

Kesemua peserta kajian ini dirujuk sebagai Informan 1, Informan 2, Informan 3, Informan 4 dan Informan 5. Informan kajian ini juga mempunyai ciri homogen. Peserta homogen merujuk kepada sekumpulan individu yang memiliki ciri-ciri persamaan. Dalam kajian ini, penyelidik menetapkan kriteria pakar iaitu:

- i. Terlibat secara langsung dalam mengendalikan kes-kes berkaitan dengan rumah tangga.
- ii. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun.

Penyediaan soalan temu bual dilakukan selepas membuat penelitian dan menyelidiki secara menyeluruh ke atas literatur. Kriteria sekufu yang dipilih untuk dibincangkan dalam kajian ini adalah kriteria agama dan pekerjaan. Pemilihan dua kriteria ini kerana ianya banyak memberi kesan dalam rumah tangga. Bagi memastikan persoalan kajian dijawab dengan tepat, maka pengkaji telah mengadakan perbincangan dengan penyelia dan rakan penyelidik untuk mendapatkan pandangan beliau tentang tema dan perkara penting yang perlu ada dalam sesi temu bual (Long & Johnson, 2000).

Proses temu bual dilaksanakan selama 30 hingga 40 minit. Sebelum memulakan temu bual, beberapa persediaan telah dilakukan iaitu menentukan informan dan membuat temu janji, memilih kaedah yang sesuai dan mudah, menjelaskan objektif dan format temu bual dan memberitahu anggaran masa yang diperlukan untuk temu bual.

Temu bual dengan informan dirakam secara audio setelah kebenaran diberikan oleh informan. Data yang diperolehi adakan disalin secara verbatim dan transkrip akan diperiksa berulang kali untuk memastikan ketepatannya. Kemudian data temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap transkrip yang telah dibuat.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Profil Responden

Jadual 1 diperincikan profil peserta kajian yang dipilih dalam kajian ini.

Jadual 2: Profil responden

Peserta kajian	Kategori			
	Jantina	Jawatan	Lokasi	Tempoh Pengalaman
I1	L	Penolong Pendaftar Nikah	Pejabat Pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju', JAIP	30 tahun
I2	L	Pegawai Hal Ehwal Islam	Bahagian Undang-undang Keluarga, JAWI	16 tahun
I3	L	Penolong Pengarah Kanan	Bahagian Perkahwinan dan pembangunan Keluarga, JAIS	20 tahun
I4	L	Pegawai Syariah	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan	20 tahun
I5	P	Kaunselor Rumah tangga	Kaunselor bebas	5 tahun

Sumber: Penyelidik (2023)

Peranan Sekufu dalam Membentuk Persefahaman

Hubungan Sekufu dengan Persefahaman

Persefahaman adalah satu perkara paling penting yang perlu dititikberatkan sebelum berlakunya akad. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh informan 2, "*... paling penting adanya persefahaman dan keserasian sebelum berlakunya akad. Kena cari persefahaman itu sebelum akad itu berlaku.*"

Kenyataan ini menggambarkan konsep sekufu yang dianjurkan dalam Islam adalah salah satu cara yang boleh diaplikasikan dalam mencari pasangan hidup yang serasi dan membentuk persefahaman antara satu sama lain. Informan 4 menambah istilah persefahaman ini boleh digunakan untuk merangkumi keseluruhan kriteria sekufu yang telah ditetapkan dalam Islam, *"Saya rasa perkataan persefahaman itu adalah istilah yang umum yang boleh kita rangkumkan dari keseluruhan kriteria kriteria sekufu. Persefahaman dari segi agama, persefahaman dari segi keturunan, persefahaman dari segi harta, persefahaman daripada pekerjaan dan pendapatan dan persefahaman dari segi kecantikan."*

Kriteria Agama

Kepentingan persefahaman dalam agama ini sangat penting dalam menghindari konflik rumah tangga. Kegagalan pasangan untuk mewujudkan roh agama dalam rumah tangga telah menjadi punca kepada berlakunya pergaduhan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh informan 2, *"... faktor utama agama ini amat penting sebab yang datang ke sini kebanyakannya yang rendah dari segi ilmu agama."* Kenyataan ini disokong oleh informan 5 yang menyebut, *"Saya amat setuju faktor agama. Faktor agama, wajib. Sebab saya dah tengok banyak pasangan yang saya dan kita orang conduct, mempunyai persefahaman agama yang tidak mantap."*

Persefahaman agama antara pasangan juga dilihat menjadi indikator utama dan pelengkap kepada kriteria sekufu yang lain. Sebagaimana yang dinyatakan oleh informan 1, *"... beruntunglah orang yang mendapat isteri yang beragama. Begitu juga isteri cari suami agama kan. Jadi bila agama, dah ada tiga tu, cantik pun ada, orang kata harta pun ada, nasab pun ada kalau ada agama kan."* Pandangan informan 1 ini selari dengan informan 5 yang menyatakan, *"... daripada agama itulah kecantikan ke, harta ke, pangkat ke, darjat dapat dikawal."*

Kenyataan di atas menunjukkan rumah tangga yang disemai dengan nilai agama mampu mengawal dan melengkap keperluan kriteria pemilihan jodoh. Sebagaimana yang disarankan oleh Rasulullah sebagaimana sabda Baginda yang bermaksud, *"Seorang wanita dinikahi kerana empat (4) sebab: Kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikannya dan kerana agamanya. Maka hendaklah kamu merebut yang empunya agama, itulah pilihan terbaik."* (Hadith. al-Bukhari. Bab Akfai' fi ad-Din. 5090).

Persefahaman dalam aspek agama ini boleh dibentuk melalui dua aspek iaitu pada penghayatan agama dan akhlak sebagaimana yang dinyatakan oleh informan 2, 3, dan informan 5. Informan 5 menyatakan, *"Dia bukan kata owh tahu rukun Iman, rukun Islam, fardu ain, fardu kifayah, no, dia kena hayati benda itu."* Ini disokong oleh kenyataan informan 2, *"Penghayatan agama itu penting kena faham betul-betul. Penghayatan ini maksudnya faham agama praktik itu kena betul, dia faham reason why dia kena buat macam tu. Kenapa Islam suruh buat macam ni, itu maksud penghayatan."* Informan 3 pula menyatakan, *"Agama memang amat pentinglah dan akhlak. Ada agama tapi kadang tak ada akhlak itu yang banyak berlaku."*

Jelas menunjukkan persefahaman agama bukan hanya semata mempunyai pengetahuan asas tentang agama, malah penghayatan dan pengamalan kehidupan beragama itu sangat penting. Apabila kedua-dua pasangan mampu untuk mempraktikkan elemen-elemen ini maka kehidupan rumah tangga yang bahagia mampu untuk dicapai. Selain itu, penting dalam memastikan persefahaman agama ini suami dan isteri mempunyai tahap pengetahuan dan penghayatan agama yang sama. Ini kerana jika salah satu pihak sahaja yang memainkan peranan maka persefahaman tidak mampu dibina dan dibentuk. Sebagaimana perumpamaan yang dinyatakan oleh informan 4, *"Saya nak pilih perempuan pendakwah, da'i, ustazah-ustazah yang terkenal kerana mereka mempunyai keagamaan dan kefahaman agama yang tinggi. Sekufu tak dengan saya? Adakah kita ini memang ustaz yang berserban tebal juga. Saya rasa itulah persefahaman. Maksud persefahaman beragama itu kena sama level juga."*

Namun terdapat informan yang berpandangan tahap penghayatan agama itu perlu dikuasai oleh pihak suami kerana suami adalah pemimpin dalam mengemudi bahtera

rumah tangga. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh informan 5, *“Suami ini dia kena faham arrijalu qawwamu ‘ala nisa, itu sudah cukup.”* Dapat difahami bahawa suami bertanggungjawab untuk melindungi, mendidik dan membimbing isteri dan anak-anak. Seorang suami perlu memastikan ahli keluarganya patuh pada ajaran agama. Penting juga suami mempunyai tahap penghayatan agama melebihi daripada isterinya supaya dapat menghindari dari berlakunya tiada persefahaman kerana secara psikologinya, lelaki mempunyai ego yang tinggi dan sukar menerima teguran. Sebagaimana yang dinyatakan informan 2, *“At least suami seorang mantap agama pun tak apa. Sebab nak nasihat suami bukan senang. Sebab suami ni dia ada ego. Kita kena faham, orang lelaki ini dia ada kesombongan diri. Dia tak boleh isteri tegur. Orang lain tegur dia tak apa, isteri tak boleh. Banyak kes.”*

Maka jelas menunjukkan kegagalan suami isteri dalam memastikan persefahaman agama ini akan memberikan impak buruk dalam sesebuah institusi rumah tangga. Ini dibuktikan dengan beberapa kes yang dikongsikan oleh informan; informan 2 menyatakan, *“... suami dia tak melaksanakan tanggungjawab. Check check lagi, suami tak ada sangat kefahaman agama yang bagus. Wanita ini lagi bagus pengetahuan agama, maknanya tak sekufu dari sudut agama.”* Informan 3 pula berkongsi kes, *“Berkahwin dah setahun dan suaminya terlibat dengan dadah. Masa suami dia datang sini pun dalam keadaan khayal la kan. Kita cakap pun dia macam gitu je. Masa tu dah setahun kahwin dan isteri dia mengandung 5 bulan. Dalam waktu yang sama, dia (suami) ada skandal dengan cina Kristian.”* Begitu juga dengan perkongsian informan 1, *“Bini dia cikgu. Dah kahwin 10 tahun. Anak 4 orang ... suami dia itu, belajar kat Switzerland ... dia selalu langgan GRO.”*

Dapatan ini menyokong kajian Zanariah et.al (2018) menjelaskan individu yang tidak mempunyai didikan agama yang mantap mempunyai kecenderungan untuk gagal menunaikan tanggungjawab dalam rumah tangga. Ini kerana kekurangan ilmu agama dalam kalangan pasangan menyebabkan mereka jahil atau alpa tentang tanggungjawab sebenar sebagai suami atau isteri. Oleh sebab itu kajian Nurhanisah & Raihanah (2016) mendapati kebanyakan pasangan yang mendapatkan khidmat kaunseling di Jabatan Agama Islam Selangor adalah terdiri dari pasangan yang tidak seiring tahap penghayatan agama dari aspek ibadah dan akhlak. Kajian ini mendapati terdapat isteri yang menjelaskan bahawa suami mereka tidak solat, tidak berpuasa di bulan Ramadhan, amat jarang membaca al-Quran, minum arak, berjudi dan abaikan tanggungjawab, sedangkan si isteri patuh melaksanakan perintah agama. Kajian ini disokong oleh Noor Syaibah et al. (2016) yang mendapati antara punca penceraian dalam kalangan pasangan muda ialah disebabkan tahap penghayatan agama dalam kalangan responden adalah lemah terutamanya dalam ibadah solat iaitu pasangan enggan solat bersama atau meninggalkan solat.

Kriteria Pekerja

Pekerjaan dilihat mampu membina persefahaman antara pasangan melalui menghindari sikap negatif yang boleh mendorong pada tercetusnya konflik dalam rumah tangga. Ini kerana ketidak sepadanan pasangan suami isteri dalam aspek pekerjaan boleh menyebabkan wujudnya sikap rendah diri, ungkit mengungkit dan menghina terhadap pasangan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh beberapa orang informan; Informan 2 menyatakan, *“...mula-mula dia akan rasa atas dasar cinta tapi bila dia dah melangkah umur perkahwinan 20 tahun, dia mula akan terasa. Yalah bila anak-anak dah membesar akan terasalah. Suami tu akan rasa rendah diri.”* Informan 3 juga menyatakan, *“Tu salah satu faktor juga bila isteri dia punya gaji lebih tinggi dari suami ... Macam yang baru datang ini, suami dia bawa Grab je. Isteri dia Penolong Pegawai Tadbir la. Kerajaan la. Semuanya ditanggung oleh isteri. Sewa rumah, pendidikan anak-anak. Dia rasa penat sebab semua dia tanggung.”* Begitu juga yang dinyatakan oleh informan 1, *“Suami ada pendapatan, isteri tak ada pendapatan. Itu pun jadi satu perkara yang dibangkitkan dalam rumahtangga.”* Informan 5 pula berkongsi kes, *“Yang perempuan tu bos tinggi daripada yang suami ... suami ni kira macam kuli. Akhirnya suami dia cari perempuan lain. Dia tak boleh nak get a long dengan isteri dia sebab dia rasa tak serasi dengan isteri dia.”*

Kenyataan ini mengukuhkan dapatan kajian terdahulu banyak menunjukkan ketidakseimbangan dalam aspek sosial seperti pekerjaan memberi kesan yang negatif dalam rumah tangga. Ketidaksamaan sosial antara pasangan boleh mencetuskan wujudnya perasaan negatif samada pada pihak isteri atau suami (Grabber et al., 2011). Bila mana perasaan ini wujud maka ianya akan memberi kesukaran kepada pasangan untuk membina persefahaman dan menyelesaikan masalah yang berlaku dalam rumah tangga.

Situasi ini juga mempunyai perkaitan rapat dengan masalah psikologi. Apabila isteri melebihi suami, mendorong pada keangkuhan isteri terhadap suaminya kerana mempunyai pangkat dan status yang lebih tinggi. Lantas situasi tersebut boleh mengakibatkan suami berasa rendah diri dan terhina. Seterusnya hal tersebut boleh mendorong kepada berlakunya perselisihan faham yang berterusan di antara suami dan isteri (Saadiyah, 2003).

Selain itu, pekerjaan ini sangat berkait rapat dengan isu nafkah. Ini dijelaskan oleh informan 4, "... dengan pekerjaan itu kita ada pendapatan kita ada gaji dan kita ada kemampuan. Bila kita tengok corak pergolakan rumah tangga di Malaysia ini, isu utama adalah isu nafkah." Kegagalan suami sebagai ketua keluarga untuk menyediakan nafkah kepada isteri telah menyebabkan isteri yang terpaksa menanggung segala perbelanjaan keluarga. Hal ini mendorong pada sering berlaku pertelingkahan dan sukar untuk mencari titik persefahaman. Ini dinyatakan oleh informan 3, "Bini dia buat dua kerja. Kerja pejabat dan sampingan dia buat online menyebabkan isteri dia terlalu letih. Suami dia tak membantu sangat. Tu punca mereka selalu bertengkar. Tu memang tak sekufu la bagi saya."

Ini jelas menunjukkan masalah kewangan akan mencetuskan konflik dan pergaduhan antara suami dengan isteri disebabkan tekanan dan akhirnya menyebabkan wujudnya ketidaksefahaman di antara satu sama lain. Ini bertepatan dengan kajian Hadigunawan et al. (2023) mendapati antara faktor tiada persefahaman berlaku disebabkan suami tidak mampu memberikan nafkah kepada keluarga samada nafkah zahir atau batin.

PENUTUP

Sekufu merupakan satu usaha yang dianjurkan oleh Islam dalam pemilihan pasangan dalam mewujudkan institusi keluarga yang *sakinah*, *al-mawaddah* dan *ar-rahmah*. Pemilihan pasangan yang betul dan tepat dapat membentuk elemen-elemen positif dalam rumah tangga seperti persefahaman, kerjasama, komunikasi yang baik, bertimbang rasa dan sebagainya. Rumah tangga yang didasari oleh persefahaman yang tinggi mampu menjamin keharmonian dan kesejahteraan. Ini kerana persefahaman diperlukan dalam memahami kehendak, pemikiran dan mencari titik penyelesaian pada setiap masalah yang timbul dalam rumah tangga. Oleh sebab itu, pasangan yang berjaya untuk mengharmonikan perbezaan ini maka mereka mampu untuk mengekalkan hubungan yang dibina. Namun jika sebaliknya berlaku, ianya boleh mendorong pada pertelingkahan yang berpanjangan akibat ketidaksefahaman dan akhirnya membawa pada perceraian.

RUJUKAN

Buku

- Abd. Jalil, M. H. (1993). *Perkahwinan Dalam Islam Berdasarkan Kepada Dalil, Hukum, Hikmat Dan Panduan Kebahagiaan*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Abdurraghiem, S. (1997). *The Book on Muslim Marriage*. New Delhi: Abdul Moin for Islamic Book Service.
- Gay, L. R., G. E. Mills, & P. W. Airasian. (2012). *Educational Research : Competencies For Analysis and Application*. 10th ed. Upper Saddle River, N.J.: Merrill/Prentice Hall.
- Kosim, H. (2019). *Fiqh Munakahat: Dalam Kajian Filsafat Hukum Islam Dan Keberadaannya Dalam Politik Hukum Ketatanegaraan Indonesia*. Indonesia: Persada.
- Mahmud, S. A. O. (1999). *Hak Wanita Dan Undang-Undang Keluarga Islam*. in *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara ASEAN*. Edt: Abdul Monir, Y. Malaysia: Institut Kefahaman Islam.

- Mohd Saleh, Ahmad. (2012). *Perkahwinan Dan Perceraian Dalam Islam*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn Bhd.
- Norlia, Mat Saed. (2004). *Kafaah (Equality) in Marriage in Islam: Its Legal and Social Importance in The Modern Era 2004*. In: *Islamic Family Law: New Challenges in the 21st Century*, 33-48, Edt: K. Zaleha. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Sillars, A., & R. M. McLaren. (2015). *Understanding and Conflict*. The International Encyclopedia of Interpersonal Communication.

Jurnal

- Allen, A. & Teresa, T. (2016). Agreement, Understanding, Realization, and Feeling Understood as Predictors of Communicative Satisfaction in Marital Dyads. *Journal of Marriage and Family*. 46(4), 915-21.
- Anwar, Hafidzi, Rusdiah & Nurdin. (2020). Arranged Marriage: Adjusting Kafa'ah Can Reduce Trafficking of Women. *Al-Istinbath: Jurnal Hukum Islam*. 5(2),177-90.
- Arafat, F. (2019). Potrait of Kafaah in Marriage of Awaliyyin Gresik (Al-Habib Husein Abdullah Assegaf's View). *Miyah: Journal of Islamic Studies*, 15(2), 214-234.
- Brandstatter, H., Veronika, B., & Rainer, B. P. (2018). Similarity and Positivity of Personality Profiles Consistently Predict Relationship Satisfaction in Dyads. *Frontiers Psychology*. 9(June), 1-18.
- Brauer, K., Rebekka, S., Fabian, G., Willibald, R., & René, T. P. (2022). Profile Similarities among Romantic Partners' Character Strengths and Their Associations with Relationship- and Life Satisfaction. *Journal of Research in Personality*, 99, 1-11.
- Decuyper, M., Marleen, D. B., & Filip, D. F. (2012). Personality Similarity, Perceptual Accuracy, and Relationship Satisfaction in Dating and Married Couples. *Personal Relationships*. 19(1), 128-45.
- Duffy, K., Colette, F., & Hazel, W. (2004). Data Collecting in Grounded Theory-Some Practical Issues. *Nurse Researcher*, 11(4), 67-78.
- Dworkin, S. L. (2012). Sample Size Policy for Qualitative Studies Using In-Depth Interviews. *Archives of Sexual Behavior*, 41(6), 1319-20.
- Efendy, N. (2022). Konsep Kafa'ah Dalam Membentuk Rumah Tangga Ideal. *An-Nahdhah*. 15(2), 99-120.
- Faezah, N., Musthapar, A. R., & Ahmad, B. (2020). Sakinah, Mawaddah Dan Rahmah Dalam Perhubungan Suami Isteri: Analisis Literatur. *Jurnal Syariah*. 1(28), 81-104.
- Fatimah, S. (2016). Konsep Kafaah Dalam Pernikahan Menurut Islam (Kajian Normatif, Sosiologis Dan Historis). *As-Salam*. 4(1), 1-24.
- Graber, Elana C., Jean P. L., Erin, M., Joanna, C., & James, C. (2011). Conflict and Love: Predicting Newlywed Marital Outcomes From Two Interaction Contexts. *Journal of Family Psychology*, 25(4), 541-50.
- Hadigunawan, N. & Azahari, R. (2016). Penghayatan Islam Dan Hubungannya Dengan Konflik Rumahtangga: Kajian Di Unit Runding Cara, Bahagian Undang-undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor. *Jurnal Syariah*, 24(3), 393-422.
- Hadigunawan, N., Rafeah, S., Shadli, S., & Fatin Nabilah, A. W. (2023). Faktor Tiada Persefahaman: Kajian Kes Perceraian Di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam. *Intrenational Journal of Law, Government and Communication*, 8(32), 88-99.
- Hidayatulloh, R. (2017). Tradisi Pernikahan Dengan Kesetaraan Keturunan Dalam Keluarga Para Mas Sidoseremo Kecamatan Wonocolo Surabaya Dan Berbek Kecamatan Waru Sidoarjo. *Al-Hukama*, 7(1), 26-50.
- Iafrate, R., Anna, B., Silvia, D., & Catrin, F. (2012). Perceived Similarity and Understanding in Dyadic Coping among Young and Mature Couples. *Personal Relationships*, 19, 401-19.
- Iffatin, N. (2012). Pembaharuan Konsep Kesepadanan Kualitas (Kafaah) Dalam Al-Qur'an Dan Hadis. *Kalam: Jurnal Studi Agama Dan Pemikiran Islam*, 6(2), 411-36.
- Kaha, Humaidi. S. HI. M. H. (2020). Konstruksi Kafa'ah Dalam Pernikahan Perspektif Madzab Al-Arba'ah Dalam Menggapai Kehidupan Rumah Tangga Yang Sakinah. *Hikmatina: Jurnal Ilmiah Hukum Keluarga Islam*, 2(3), 236-52.
- Long, T., & M. Johnson. (2000). Rigour, Reliability and Validity in Qualitative Research. *Clinical Effectiveness in Nursing*, 4, 30-37.

- Md. Zawawi, Abu Bakar, & Wan Abdullah, W. A. R. K. (2008). Hak Suami Isteri Dalam Perkahwinan Islam: Analisis Menurut Fiqh. *REKAYASA-Journal of Ethics, Legal and Governance*, 4, 35–52.
- Noor Syaibah, S., Johari, N., & Abdullah, N. (2016). Perceraian Dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan Di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (Paidhl). *Malaysian, Journal of Social Science*, 1, 36–52.
- Nur Zahidah, J. & Abdullah, R. (2013). Model Keluarga Bahagia Menurut Islam. *Jurnal Fiqh*, 8, 25–44.
- Nurhafizah, I., Mat Hussin, N., & Abdullah, R. (2018). Analisis Persepsi Pihak Berkuasa Agama Terhadap Permasalahan Kufu Dalam Perkahwinan Masyarakat Melayu Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Melayu*, 12(1), 124–43.
- Rentsch, K., S. Columbus, D. Balliet, & T. M. Gerlach. (2022). Similarity in Situation Perception Predicts Relationship Satisfaction. *Personality Science*, 3, 1–26.
- Saadiah, D. D. W. H. T. (2003). Sebab -Sebab Perceraian Di Kalangan Masyarakat Melayu Dan Perbandingan Dengan Masyarakat Cina Di Brunei. *JANANG: Jurnal Akademi Pengajian Brunei*, 8, 75.
- Safura, A. S., & Sali, J. (2022). Analisis Isu Perkahwinan Dalam Kalangan Pasangan Melayu Di Kuching , Sarawak Sepanjang Tahun 2018-2020. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(7): e001610.
- Sarifudin, Z. (2018). Proses Perjudohan Dan Kriteria Kafa'ah Dalam Perkawinan Anggota LDII Desa Medaeng Kecamatan Waru Kabupaten Sidoarjo. *AL-HUKAMA The Indonesian Journal of Islamic Family Law*, 8(1), 53–86.
- Shafiyah Iqlima, M. N. (2020). Polemik Perceraian Di Malaysia. *Perspektif*, 15, 3-10.
- Shirdel, M., S. Hosseinian, S. A. Kimiaei, & M. R. Safarian. (2018). Estimating the Validity and Reliability of Gottman Questionnaires of ' Couple Trust Measurement. *Contemporary Family Therapy*, 41, 37–46.
- Testa, M., & Kenneth, E. L. (2001). The Impact of Marital Aggression on Women's Psychological and Marital Functioning in a Newlywed Sample. *Journal of Family Violence*, 16(2), 115–30.
- Wan Murni, W. M., & Omar, A. F. (2018). Analisis Punca Perceraian Dalam Kalangan Remaja: Kajian Kes Di Kota Bharu 2010-2014. *Fikiran Masyarakat*, 6(2): 57–62.
- Zahrotun, N., & Khasanah, U. (2018). Komparasi Konsep Kafaah Perspektif M . Quraish Shihab Dan Fiqh Empat Mazhab. *Jurnal Studi Hukum Islam*, 5(2):126–40.

Laman Sesawang

- Ilhamie, Abdul Ghani Azmi. (2022). *Abai Nafkah Isteri, Anak Punca Cerai*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2022/01/abai-nafkah-isteri-anak-punca-cerai/> (diakses pada 1 Mei 2024)

Persidangan

- Zanariah, D., Dahalan, A., Mohd Rapini, H., Md Abd. Zaini, Y., Mat Jusoh, N. Z. (2018). *Faktor-Faktor Konflik Rumah Tangga: Kajian Di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor*. 302–11, In: 4th International Conference on Islamiyyat Studies. 18-19 September 2018, Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi.

Tesis

- Kamalia, Khairud Din. (2019). *Fast Track Sebagai Salah Satu Kaidah Perceraian Kajian Di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam Negeri Selangor*. Sarjana, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara, Medan, 81.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.